Institusi Kewangan Pembangunan

214-216 Pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
216-218 Dasar dan Langkah
218-232 Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan

PENGENALAN

Institusi kewangan pembangunan (IKP) merupakan institusi kewangan khusus yang ditubuhkan oleh Kerajaan sebagai sebahagian daripada keseluruhan strategi bagi membangun dan memajukan sektor-sektor strategik yang khusus seperti pertanian, sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pembangunan infrastruktur, perkapalan dan industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi untuk pembangunan sosioekonomi negara.

IKP mengkhusus dalam penyediaan sokongan kewangan dalam bentuk pembiayaan jangka sederhana dan panjang, modal ekuiti, jaminan untuk pinjaman dan perkhidmatan kewangan lain yang diperlukan oleh sektor-sektor strategik. IKP juga menyediakan perkhidmatan rundingan dan nasihat dalam mengenal pasti serta membangunkan projek-projek baru.

Berdasarkan kepada peranan IKP yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial, Kerajaan perlu membangunkan IKP agar menjadi agensi-agensi pelaksana yang cekap dan berkesan. Strategi-strategi yang telah digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) bagi pembangunan IKP yang sistematik termasuklah mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, membina keupayaan dan kebolehan serta meningkatkan kecekapan operasi.

PENTADBIRAN AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002

Pengukuhan Rangka Kerja Pengawalan

Enakmen dan Pemakaian AIKP

Bagi menyediakan satu rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang komprehensif untuk memastikan pengurusan kewangan IKP yang selamat dan utuh, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) telah digubal dan dikuatkuasakan mulai 15 Februari 2002.

AIKP bertujuan memastikan penyeliaan IKP yang efektif serta dinamik dan memperuntukkan pelantikan Bank Negara Malaysia sebagai badan pengawalan dan penyeliaan pusat untuk IKP. Fokus Bank ialah untuk menggalak pembangunan IKP yang cekap dan berkesan bagi meminimumkan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam mencapai objektif dasarnya. Ini akan menyumbang ke arah memenuhi objektif yang telah dimandatkan kepada IKP.

Salah satu aspek utama AIKP ialah untuk memastikan bahawa peranan, objektif dan aktiviti IKP selari dengan objektif Kerajaan dan seterusnya peranan-peranan yang telah dimandatkan dilaksanakan secara efisien dan efektif. Bagi mencapai tujuan ini, AIKP memerlukan IKP mengemukakan cadangan aktiviti perniagaan dan pembangunan mereka serta unjuran sumber pendanaan, pada setiap tahun kepada Bank. Selain itu, AIKP juga menyediakan mekanisme untuk memantau pengurusan dana-dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi memastikan dana-dana tersebut digunakan sebagaimana yang ditentukan.

AIKP menyediakan satu rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang komprehensif untuk memastikan pengurusan kewangan IKP yang selamat dan utuh.

AIKP memberi penekanan ke atas pengurusan yang efisien dan urus tadbir korporat yang berkesan dengan menetapkan prosedur bagi pelantikan pengarah, ketua pegawai eksekutif dan juruaudit luar serta memastikan penzahiran maklumat tepat pada masanya dan secara telus. Ini bertujuan untuk memastikan pengimbang balas yang mencukupi dan mempertingkatkan akauntabiliti lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

AIKP menyediakan mekanisme penyeliaan yang menyeluruh yang merangkumi peraturan berhemat, penyeliaan di premis dan di luar premis, keperluan mengemukakan laporan dan piawai penzahiran. Ia juga memberi kuasa yang perlu kepada badan pengawalan untuk menangani apa-apa masalah salah urus dan salah laku. Perundangan ini juga memperuntukkan mekanisme untuk mengukuhkan kedudukan kewangan IKP melalui spesifikasi keperluan-keperluan berhemat seperti pengurusan aset, modal dan pengurusan mudah tunai.

Setakat 31 Disember 2002, enam buah institusi, iaitu Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional telah diwartakan sebagai "institusi yang ditetapkan" di bawah subseksyen 2(1) AIKP.

Pemantauan Aktiviti dan Prestasi IKP

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, Bank Negara Malaysia memantau aktiviti dan prestasi kewangan enam buah institusi yang ditetapkan, iaitu IKP di bawah kawal selia AIKP, secara berterusan bagi memastikan IKP berkenaan melaksanakan peranannya secara cekap dan berkesan. Beberapa peruntukan AIKP memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk memperoleh data yang diperlukan daripada institusi yang ditetapkan bagi membolehkan Bank menjalankan fungsi pemantauan dan penyeliaannya. Menurut seksyen 116 AIKP, berkuatkuasa bulan April 2002, semua institusi yang ditetapkan perlu mengemukakan setiap bulan laporan pengurusan untuk penilaian Bank. Laporan-laporan tersebut mengandungi penunjuk-penunjuk kuantitatif dan kualitatif berkenaan sumbangan ekonomi dan sosial serta prestasi kewangan setiap IKP, termasuk prestasi kewangan mereka. Penunjuk-penunjuk ini dapat membantu dalam merumus langkah-langkah dasar yang bersesuaian untuk meningkatkan keupayaan mereka dan bagi menangani perkara-perkara yang tidak disenangi. Bagi memudahkan lagi pemantauan aktiviti dan prestasi kewangan, satu sistem laporan berkomputer sedang dibangunkan dan dijangka dilaksanakan pada tahun 2003.

Aktiviti Penyeliaan

Tujuan utama penyeliaan ke atas IKP adalah untuk memastikan setiap institusi memainkan peranan dan fungsi yang dimandatkan dan aktiviti mereka dijalankan adalah secara berhemat, cekap dan berkesan. Untuk mencapai objektif tersebut, Bank Negara Malaysia menjalankan pengawasan ke atas IKP di luar premis dan pemeriksaan di premis. Pemeriksaan yang dijalankan adalah berdasarkan penyeliaan berlaras risiko di mana fokus utama diberikan kepada bidang yang berisiko, yang boleh menjejaskan keutuhan IKP. Pemeriksaan di premis yang dijalankan akan disesuaikan dengan saiz, aktiviti dan sifat khusus operasi serta profil risiko setiap IKP.

Fokus utama penyelia adalah untuk menyumbang kepada peningkatan keupayaan institusi dan struktur operasi IKP. Ia merangkumi pembentukan dasar dan prosedur operasi yang komprehensif, penyediaan sistem pengurusan risiko, kawalan organisasi dengan pengimbang balas, sumber manusia yang mencukupi dan penggunaan teknologi yang optimum. Penyelia berperanan untuk menggalakkan pematuhan kepada amalan terbaik dalam bidang-bidang tersebut. Ini akan meningkatkan urus tadbir korporat IKP, disokong pula oleh komitmen dan penyertaan pihak-pihak berkepentingan. Salah satu prinsip urus tadbir korporat yang utama adalah tanggungjawab ahli lembaga pengarah yang bertindak sebagai wakil pihak yang berkepentingan dengan memainkan peranan yang berkesan dalam mengawasi tindakan pengurusan eksekutif. Ahli lembaga pengarah mesti berkelayakan dan mempunyai maklumat yang perlu bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab serta membimbing pihak pengurusan IKP. Penzahiran yang sesuai dan mencukupi juga perlu untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan.

Satu lagi bidang yang penting adalah keberkesanan fungsi audit dalaman bagi mengukuhkan proses pengimbang balas, kawalan dalaman yang cukup serta dasar dan prosedur yang sejajar dengan objektif yang dimandatkan.

Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah menjalankan enam pemeriksaan ke atas IKP di bawah kawal selia AIKP, termasuk anak-anak syarikat mereka. Di samping itu, penyeliaan luar premis juga dijalankan melalui pemantauan ke atas kedudukan dan arah aliran kewangan termasuk semakan penyata kewangan IKP. Selain itu, pemeriksaan ke atas sistem maklumat juga dilakukan bagi memastikan integriti dan keutuhan data.

Pemantauan Peranan, Objektif dan Keberkesanan IKP

Pengemukaan Pernyataan Niat Korporat dan Keperluan Pendanaan Tahunan

AIKP memperuntukkan mekanisme bagi memastikan IKP menumpukan aktiviti-aktivitinya kepada peranan yang telah dimandatkan. Salah satu mekanisme tersebut ialah melalui pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti-aktiviti IKP yang dirancang. Seksyen 34 dan 35 AIKP menghendaki institusi yang ditetapkan mengemukakan Pernyataan Niat Korporat (PNK) dan Keperluan Pendanaan Tahunan (KPT) pada setiap tahun.

PNK memaparkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dirancang, strategi-strategi pelaksanaan, sumber pendanaan, sasaran prestasi dan tanggungjawab

sosial yang akan dilaksanakan oleh IKP, termasuk aktiviti anak-anak syarikatnya. PNK, yang mana perlu diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi IKP berkenaan, perlu dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia. Keperluan ini memudahkan pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti IKP bagi memastikan ianya selaras dengan peranan yang telah dimandatkan serta objektif Kerajaan. Selain itu, PNK juga bertujuan untuk memantau sumbangan dan prestasi IKP ke arah mencapai sasaran tahunan yang telah ditentukan pada tahun sebelumnya.

KPT pula memberi butiran terperinci tentang unjuran sumber-sumber pendanaan dan sebarang dana tambahan yang diperlukan daripada Kerajaan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti untuk tahun berikutnya. KPT perlu dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia bagi tujuan penilaian sebelum dikemukakan kepada Menteri Kewangan dan seterusnya untuk dimasukkan peruntukan pendanaan ini ke dalam peruntukan tahunan Bajet Kerajaan Persekutuan.

Sebagai pematuhan kepada seksyen 34 dan 35, prosedur pengemukaan PNK dan KPT memuatkan format serta isi kandungan PNK dan KPT, tarikh pengemukaan, proses kelulusan serta peranan dan tanggungjawab IKP, Menteri yang bertanggungjawab dan Kementerian yang berkepentingan. Prosedur ini memerlukan Kementerian yang berkepentingan mengesahkan PNK dan KPT tersebut. Ini memberi peluang kepada Kementerian yang berkepentingan memberi panduan mengenai dasar keseluruhan berkaitan dengan pembangunan sektor-sektor strategik yang disokong oleh IKP dan memastikan aktiviti-aktiviti IKP adalah selaras dengan perancangan pembangunan ekonomi negara. Selain itu, keperluan ini juga memastikan IKP mempunyai sumber pendanaan yang mencukupi bagi membiayai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.

Spesifikasi mengenai Pemberian Kemudahan Kredit oleh IKP

Pentingnya bagi IKP untuk terus memberi penumpuan kepada peranan yang dimandatkan ditekankan lagi melalui peruntukan subseksyen 28(1) AIKP yang melarang IKP daripada memberi kemudahan kredit termasuk penyediaan jaminan dan insurans, selain daripada bagi tujuan-tujuan yang telah dinyatakan. Peruntukan ini bertujuan memastikan kemudahan kredit yang diberikan oleh IKP kepada perniagaan dan aktiviti-aktiviti adalah sejajar dengan matlamat dan tujuan utama mereka sebagai institusi berasaskan dasar. Menurut peruntukan Akta ini, spesifikasi mengenai kemudahan kredit yang boleh diberikan oleh keenam-enam buah IKP telah dirangka selaras dengan peranan yang dimandatkan. Secara amnya, spesifikasi yang dikeluarkan merangkumi pemberian kemudahan kredit kepada PKS, PKS kepunyaan Bumiputera, projek infrastruktur, industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, eksport, import, pembiayaan peribadi dan penggunaan, pembiayaan perumahan dan runcit.

Meningkatkan Urus Tadbir Korporat

Prosedur Pengesahan untuk Pelantikan Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif

AIKP memberi penekanan ke atas tadbir urus korporat melalui keperluan memenuhi kriteria "layak dan sesuai" bagi pelantikan sebagai pengarah dan ketua pegawai eksekutif dalam IKP. Walaupun kuasa untuk melantik pengarah/ketua pegawai eksekutif kekal dengan Kementerian yang berkaitan, subseksyen 6(2) AIKP memerlukan institusi yang ditetapkan untuk mendapatkan pengesahan daripada Bank Negara Malaysia bahawa pengarah/ketua pegawai eksekutif memenuhi kriteria "layak dan sesuai" seperti yang digariskan di dalam Jadual AIKP sebelum dibuat pelantikan. AIKP memperuntukkan bahawa pelantikan permulaan pengarah dan ketua pegawai eksekutif adalah selama dua tahun dan sebarang pelantikan semula hanya untuk tempoh setahun sahaja. Oleh itu, prestasi dan kesesuaian pengarah dan ketua pegawai eksekutif IKP adalah tertakluk kepada penilaian dan kajian semula secara berkala.

Proses pengesahan oleh Bank dijalankan dengan objektif utamanya untuk mengukuhkan integriti dan keupayaan pihak pengurusan serta memastikan pengurusan dan pengawasan yang kompeten, bertanggungjawab dan berkesan oleh ahli-ahli lembaga dan ketua pegawai eksekutif. Untuk memudahkan proses pengesahan tersebut, satu garis panduan disediakan untuk IKP dan Kementerian yang terbabit dalam proses pelantikan. Garis panduan ini menentukan maklumat minimum yang perlu dikemukakan, keperluan pemeriksaan kredit permulaan serta senarai kriteria kehilangan kelayakan. Proses pengesahan merangkumi tapisan peribadi, kewangan dan keselamatan ke atas calon untuk memastikan calon tersebut memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

DASAR DAN LANGKAH

Pengenalan

Perkembangan utama dalam tahun 2002 adalah enakmen Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 pada pertengahan bulan Februari. Di bawah

Akta ini, Bank Negara Malaysia telah dilantik sebagai badan pengawalan dan penyeliaan pusat untuk IKP.

Fasa pertama bagi strategi-strategi yang digariskan dalam PISK untuk pembangunan IKP secara sistematik memberi penumpuan kepada pengukuhan rangka kerja pengawalseliaan dan peningkatan keupayaan IKP manakala fasa kedua melibatkan pengenalan langkah-langkah untuk menggalakkan keberkesanan institusi dan kemapanan IKP. Justeru itu, teras langkah dan inisiatif dasar yang telah dijalankan pada tahun 2002 adalah bertujuan mengukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan dan peningkatan keupayaan IKP. Di samping itu, dasar dan langkah-langkah yang telah dimulakan pada tahun 2002 adalah bertujuan memenuhi keperluan-keperluan perundangan seperti yang ditetapkan dalam AIKP.

Peningkatan Keupayaan IKP

Mendefinisikan dengan Lebih Jelas Tumpuan Strategik dan Peranan IKP

Adalah penting bagi tumpuan strategik dan peranan yang dimandatkan kepada IKP digariskan dan didefinisikan dengan jelas. Ini adalah untuk memastikan setiap IKP melaksanakan peranan masing-masing dengan berkesan bagi mencapai tiga objektif utama, iaitu untuk mencapai objektif sosioekonomi negara, sebagai pelengkap kepada institusi perbankan dalam penyediaan perkhidmatan pembiayaan, dan untuk menyediakan pelbagai produk serta perkhidmatan kewangan yang khusus kepada sektor-sektor yang ditetapkan.

Pada tahun 2002, satu kajian semula mengenai peranan yang telah dimandatkan dan aktiviti-aktiviti IKP yang sedia ada merangkumi IKP di bawah kawal selia AIKP dan beberapa buah IKP lain yang terpilih telah dimulakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ruang dan pertindihan peranan yang perlu diselaraskan dan dirasionalkan serta menentukan setakat mana sinergi di antara IKP dalam melaksanakan objektif mereka. Walaupun IKP melengkapi institusi perbankan dalam menyediakan akses kepada pembiayaan untuk sektor-sektor keutamaan tertentu, beberapa aspek aktiviti IKP perlu dirasionalkan. Kajian ini akan dijadikan asas untuk mendefinisikan dengan lebih jelas mandat dan tumpuan strategik bagi setiap IKP.

Pengukuhan Kedudukan Kewangan dan Struktur Operasi

Garis Panduan Berhemat mengenai Kecukupan Modal, Pengurusan Aset Tidak Berbayar dan Keperluan Mudah Tunai

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan IKP, Bank Negara Malaysia bercadang untuk memperkenalkan beberapa dasar dan langkah berhemat. Di bawah pendekatan berperingkat dan mengikut keutamaan, tiga langkah utama bagi mengukuhkan keupayaan dan struktur operasi IKP telah dimulakan pada tahun 2002 dan dijangka akan dilaksanakan pada separuh pertama tahun 2003. Langkah-langkah tersebut termasuk:

- *Penyelenggaraan Modal Minimum*
  Rangka kerja pengawalseliaan modal bagi IKP menentukan paras modal minimum yang perlu diselenggarakan oleh IKP. Objektif utama keperluan modal minimum bagi IKP adalah untuk mengukuhkan keutuhan IKP bagi memastikan IKP mempunyai modal secukupnya untuk menjalankan program pembiayaan sejajar dengan peranan yang telah dimandatkan serta untuk menyerap sebarang kerugian yang tidak dijangka yang disebabkan oleh risiko-risiko yang wujud dalam aktiviti pembiayaan. Dalam menetapkan keperluan modal minimum yang perlu diselenggarakan, saiz yang ekonomik dan efektif bagi IKP berfungsi serta saiz operasi dan risiko yang akan ditanggung oleh IKP, diambil kira.

- *Garis Panduan mengenai Pengelasan Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu*
  Garis panduan mengenai pengelasan pinjaman tidak berbayar dan peruntukan hutang lapuk dan ragu bertujuan untuk menggalakkan pemakaian polisi dan amalan perakaunan pinjaman/ pembiayaan yang konsisten dengan amalan pengurusan risiko yang utuh dan piawai yang diterima pakai. Ini adalah untuk memastikan aset pinjaman dan pendapatan dinyatakan secara betul dan berhemat. Yang lebih penting ialah supaya pinjaman tidak berbayar dan kerugian pinjaman dikenal pasti dan diakui tepat pada masanya.

- *Keperluan Mudah Tunai*
  Pengurusan dan penyelenggaraan paras mudah tunai yang mencukupi adalah amat penting bagi

Bank Negara Malaysia telah menjalankan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk mengukuhkan keutuhan kewangan dan struktur operasi serta meningkatkan keupayaan IKP.

menjamin daya maju IKP yang berterusan. Memandangkan keperluan mudah tunai berubah mengikut volatiliti profil sumber dana, analisis mudah tunai bukan saja memerlukan institusi-institusi menentukan kedudukan mudah tunai secara berterusan tetapi juga mengkaji bagaimana keperluan pendanaan akan berubah di bawah senario yang pelbagai.

Mengukuhkan Persekitaran Operasi

Pelaksanaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ke atas IKP Terpilih

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 telah berkuatkuasa pada 15 Januari 2002. Akta ini memperuntukkan undang-undang baru secara menyeluruh bagi pencegahan, pengesanan dan pendakwaan ke atas pengubahan wang haram, perampasan harta yang terlibat, atau penglibatan dalam pengubahan wang haram dan keperluan menyimpan rekod dan pelaporan urus niaga yang meragukan oleh institusi pelapor.

Akta ini meliputi IKP yang terlibat dalam aktiviti pengambilan deposit. Sebagaimana institusi perbankan, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada peringkat permulaan, institusi-institusi dikehendaki melaporkan urus niaga yang meragukan kepada Bank Negara Malaysia dalam format yang ditetapkan, berkuatkuasa 15 Januari 2003.

Keperluan Minimum mengenai Pengurusan Risiko dan Penipuan Operasi Kad Kredit

IKP yang mengeluarkan kad kredit dikehendaki mematuhi piawai dan garis panduan yang sama yang dikenakan ke atas institusi perbankan. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai keperluan minimum mengenai pengurusan risiko dan penipuan untuk operasi kad kredit.

Garis panduan ini menggariskan keperluan minimum untuk langkah-langkah pencegahan, pengesanan, pembetulan dan penyekatan yang perlu diambil oleh pengeluar dan pembuat tuntutan kad kredit untuk mengurangkan risiko dalam operasi kad kredit dan menangani penipuan kad kredit.

Peningkatan Rangka Kerja Penyeliaan

Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Formal

Dalam usaha meningkatkan rangka kerja penyeliaan bagi IKP, Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Formal telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi dilaksanakan oleh IKP di bawah kawal selia AIKP. Rasional bagi pelaksanaan rangka kerja tersebut adalah untuk mewujudkan satu pendekatan yang teratur dan sistematik dalam menguatkuasakan langkah-langkah dan pembetulan awal dan tidak formal untuk memastikan tindakan awal diambil dalam menghadapi masalah yang timbul.

Tindakan penguatkuasaan tidak formal ini merupakan komitmen yang dibuat oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan IKP apabila dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia. Tindakan–tindakan yang diambil adalah bagi memperbetulkan kekurangan dan sebarang ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah dikenal pasti. Jenis tindakan yang diambil akan bergantung kepada tahap kekurangan dan/atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Rangka kerja ini terdiri daripada tiga jenis tindakan: Komitmen, Resolusi Lembaga dan Surat Aku Janji.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

IKP menyediakan pembiayaan kepada sektor dan subsektor ekonomi strategik yang telah dikenal pasti, di samping memenuhi objektif sosioekonomi seperti menggalak tabungan dan membangun usahawan Bumiputera. Sektor-sektor di mana IKP dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan berkaitan pembiayaan termasuklah sektor pertanian, industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, perkapalan, infrastruktur, perkilangan, eksport, PKS, pengusaha Bumiputera, koperasi serta pemilikan rumah kediaman dan pembangunan harta tanah di peringkat negeri, iaitu di Sabah dan Sarawak.

Aktiviti Pembiayaan

Sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, aktiviti pembiayaan IKP mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 20% (+RM4.7 bilion), di mana jumlah pinjaman meningkat kepada RM28 bilion pada akhir tahun 2002, berbanding RM23.4 bilion pada akhir tahun 2001. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh pembiayaan infrastruktur oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) dan pembiayaan runcit oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) kepada ahli-ahlinya.

Pembiayaan sektor infrastruktur yang disalurkan oleh Bank Pembangunan sebahagian besarnya melibatkan program-program infrastruktur Kerajaan, manakala

pembiayaan runcit Bank Rakyat pula, sebahagian besarnya adalah untuk kredit penggunaan, justeru menyumbang kepada perbelanjaan kegunaan persendirian yang terus kekal pada tahun 2002.

Sektor-sektor pembinaan serta pengangkutan dan komunikasi, yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan kukuh pembiayaan infrastruktur, masing-masing berkembang sebanyak 52% dan 49.8% pada tahun 2002. Jumlah pinjaman kepada kedua-dua sektor mencakupi 28% daripada jumlah pinjaman IKP. Sementara itu, kredit penggunaan meningkat dengan kukuh sebanyak 22.9%, mencakupi 23.7% daripada jumlah pinjaman.

Jadual 5.1
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2002
	2001	2002	
	RM juta		
Sumber:			
Dana pemegang saham	592	1,500	8,407
Modal berbayar	*158*	*596*	*6,012*
Rizab	*-20*	*88*	*1,285*
Keuntungan terkumpul	*454*	*816*	*1,110*
Deposit diterima	4,554	121	39,426
Peminjaman	1,200	1,023	13,889
Kerajaan	*387*	*2,251*	*8,877*
Institusi asing	*287*	*329*	*3,651*
Lain-lain	*526*	*-1,557*	*1,361*
Lain-lain	358	416	9,403
Jumlah	**6,704**	**3,060**	**71,125**
Kegunaan:			
Penempatan deposit	772	661	12,927
Pelaburan	4,461	-874	21,094
di antaranya:			
Sekuriti kerajaan	*1,218*	*-485*	*3,230*
Saham	*340*	*500*	*5,599*
Disenaraikan	*275*	*631*	*5,109*
Tidak disenaraikan	*65*	*-131*	*490*
Pinjaman dan pendahuluan	2,510	4,674	28,039
Aset tetap	921	30	3,041
Lain-lain	-1,960	-1,431	6,024
Jumlah:	**6,704**	**3,060**	**71,125**
Kontingensi:			
Jaminan	-870	273	3,615
Insurans kredit eksport	-56	4	152
Jumlah	**-926**	**277**	**3,767**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Tabung Haji, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.

Pertumbuhan yang menggalakkan juga dicatat dalam pembiayaan sektor pertanian (meningkat 8.3%) dan sektor perkilangan (11%) pada tahun 2002. Jumlah keseluruhan pinjaman kepada kedua-dua sektor ini mencakupi 18.7% daripada jumlah pinjaman IKP.

IKP yang menyediakan khidmat insurans dan jaminan bagi menggalak eksport barangan dan perkhidmatan ke pasaran bukan tradisional dan yang terlibat dalam meningkatkan akses pembiayaan untuk PKS juga mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2002. Jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang disediakan IKP meningkat 7.9% kepada RM3.8 bilion pada akhir tahun 2002. Peningkatan bagi perlindungan jaminan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) untuk meningkatkan daya maju pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan kepada PKS, menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan bagi perkhidmatan berkaitan pembiayaan.

Semua IKP di bawah kawal selia AIKP mengklasifikasikan sesuatu akaun pinjaman atau

Jadual 5.2
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Haluan Pinjaman

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2002
	2001	2002	
	RM juta		
Pertanian, perhutanan dan perikanan	113	199	2,579
Perlombongan dan kuari	-1	39	85
Perkilangan	134	264	2,660
Bekalan elektrik, gas dan air	70	214	549
Import & eksport, perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	96	253	871
Sektor harta benda yang luas	507	1,548	5,976
Pembinaan	*733*	*1,220*	*3,567*
Pembelian harta kediaman	*103*	*-99*	*1,489*
Pembelian harta bukan kediaman	*-1*	*47*	*48*
Harta tanah	*-328*	*380*	*872*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	832	1,425	4,286
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	88	-263	1,038
Kredit penggunaan	320	1,239	6,643
Lain-lain	351	-244	3,352
Jumlah	**2,510**	**4,674**	**28,039**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.

pembiayaan sebagai pinjaman tidak berbayar (NPL) apabila akaun berkenaan tertunggak selama enam bulan atau lebih. IKP yang lain juga menggunakan klasifikasi tempoh enam bulan tidak berbayar sebagai asas untuk mengklasifikasikan sebagai NPL, kecuali tiga buah IKP yang menggunakan klasifikasi 3 bulan, 4 bulan dan 12 bulan tidak berbayar sebagai asas mengklasifikasikan NPL. Berdasarkan piawaian tersebut, jumlah NPL kasar bagi IKP meningkat RM0.7 bilion kepada RM5.7 bilion pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, dengan pembesaran asas pinjaman, nisbah NPL kasar pulih sedikit kepada 20.2% berbanding 21.2% pada akhir tahun 2001. Kebanyakan IKP mengalami tahap NPL kasar yang tinggi, iaitu antara 8.2% sehingga 49.2% daripada jumlah pinjaman.

Pembiayaan IKP kepada sektor dan subsektor ekonomi strategik yang telah dikenal pasti mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Meskipun sebahagian besar IKP telah membuat peruntukan yang cukup bagi pinjaman tidak berbayar dan penurunan nilai pelaburan, terdapat juga IKP yang masih belum berbuat demikian. Pada akhir tahun 2002, secara agregat, IKP telah membuat peruntukan bagi kerugian pinjaman sebanyak RM3.6 bilion. Setelah mengambil kira peruntukan ini, jumlah NPL bersih IKP adalah sebanyak RM2.1 bilion atau 8.4% (akhir tahun 2001: RM1.7 bilion atau 8.6%) daripada jumlah pinjaman.

Jadual 5.3
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun	
	2001	2002
	RM juta	
Peruntukan am	484	568
Faedah tergantung	896	1,050
Peruntukan khas	2,305	2,503
Pinjaman tidak berbayar	4,945	5,653
	Peratusan (%)	
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar[2]	21.2	20.2
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih[3]	8.6	8.4
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar	74.5	72.9

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar = (Pinjaman tidak berbayar / Pinjaman kasar) x 100%.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan khas) / (Pinjaman kasar selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan khas) x 100%.

Mobilisasi Deposit

IKP yang ditubuh untuk menggalak tabiat berjimat cermat dan menyimpan di kalangan pelbagai lapisan masyarakat seperti penabung kecil, ahli koperasi dan pendeposit Islam terus memainkan peranannya pada tahun 2002. Secara agregat, jumlah deposit adalah sebanyak RM39.4 bilion pada akhir tahun 2002, yang merupakan peningkatan yang kecil sebanyak 0.3% berbanding dengan paras tahun lepas. Deposit daripada orang perseorangan merupakan bahagian terbesar daripada jumlah deposit yang dimobilisasikan (50.5%), diikuti deposit daripada syarikat perniagaan (32.9%) dan Kerajaan serta agensi Kerajaan (13.7%). Lembaga Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional kekal memainkan peranan penting dalam memobilisasikan dana daripada orang perseorangan.

Prestasi Kewangan

Meskipun sebahagian besar keperluan dana IKP yang terlibat dalam penyediaan pinjaman ditampung oleh pendeposit, sejumlah besar pinjaman diperoleh daripada Kerajaan. Pada akhir tahun 2002, peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM8.9 bilion (RM6.6 bilion pada akhir tahun 2001), yang merupakan 17.8% daripada jumlah dana. Peminjaman daripada Kerajaan digunakan terutamanya untuk membiayai pinjaman di bawah pelbagai skim pinjaman yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan akses pinjaman kepada kumpulan peminjam yang disasarkan. Kira-kira 15% daripada dana yang diperlukan oleh IKP diperoleh daripada dana pemegang saham berjumlah RM7.4 bilion.

Sebanyak empat buah IKP mencatat kerugian sebelum cukai/zakat berjumlah RM962.4 juta, manakala 10 buah IKP lagi mencatat keuntungan sebelum cukai/zakat berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2002. Kerugian ini disebabkan oleh peruntukan yang besar bagi kerugian pinjaman dan penurunan nilai pelaburan yang dibuat oleh dua buah IKP. Kedudukan kewangan IKP merosot berikutan paras NPL yang terus tinggi dan kerugian dalam pelaburan saham berikutan krisis kewangan 1997. Pada akhir tahun 2002, lima buah IKP

mempunyai dana pemegangan saham kurang daripada RM50 juta.

IKP di Bawah Kawal Selia AIKP

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Bank Rakyat telah ditubuhkan pada tahun 1954 di bawah Ordinan Koperasi 1948, dan pada 6 Januari 1973, namanya telah ditukar kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) berikutan perluasan skop aktivitinya. Sebagai sebuah koperasi, objektif utama Bank Rakyat adalah untuk memperbaiki taraf hidup ahli-ahlinya melalui penyediaan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan serta khidmat nasihat dalam sektor perdagangan, perusahaan, pertanian dan sektor-sektor lain, di samping menggalak tabungan di kalangan ahli-ahlinya. Aktiviti-aktiviti utama Bank Rakyat ialah menyediakan kemudahan pembiayaan untuk kegunaan peribadi, pembelian harta tanah, pendidikan serta pembiayaan-pembiayaan lain, termasuk perkhidmatan pajak gadai Islam kepada orang awam dan koperasi-koperasi. Bank Rakyat kini mempunyai 98 buah cawangan dan tiga anak syarikat untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggannya. Sejak tahun 1997, semua kemudahan perbankan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat adalah berasaskan prinsip-prinsip Syariah.

Jumlah aset Bank Rakyat meningkat sebanyak 20.7% kepada RM14.3 bilion pada akhir Disember 2002. Sebahagian besar aset iaitu sebanyak 60% adalah terdiri daripada pembiayaan yang dikeluarkan, manakala penempatan deposit dan pelaburan dalam sekuriti pula masing-masing mencakupi sebanyak 31.1% dan 6.9% daripada aset Bank Rakyat.


Jumlah pembiayaan meningkat sebanyak 18.9% kepada RM8.6 bilion pada akhir tahun 2002 (akhir tahun 2001: 12.2%). Sejajar dengan objektif bank, aktiviti pembiayaannya tertumpu kepada ahli-ahli, mencakupi 74.7% daripada jumlah pembiayaan. Pertumbuhan pembiayaan didorong oleh permintaan yang tinggi untuk kredit penggunaan yang meningkat sebanyak 27.4% kepada RM5.8 bilion pada akhir tahun 2002. Pembiayaan kenderaan juga meningkat dengan kukuh berikutan pelancaran Skim Pembiayaan Kenderaan Kakitangan Kerajaan untuk membeli kereta nasional yang diperkenalkan pada tahun 2002. Sementara itu, permintaan harta kediaman yang tinggi ekoran pengecualian duti setem untuk pembelian harta kediaman daripada pemaju, telah menyumbang kepada pertumbuhan pembiayaan lebih tinggi sebanyak 33.2% dalam sektor harta tanah.

Dari segi agihan mengikut sektor, sebahagian besar pembiayaan adalah dalam bentuk kredit penggunaan, sementara 19.8% pula disalurkan untuk pembelian harta tanah, diikuti perdagangan am sebanyak 6.1%. Tumpuan ke atas kredit penggunaan adalah disebabkan oleh penekanan Bank Rakyat dalam memberi pembiayaan kecil, sekitar RM5,000 hingga RM50,000 dengan tempoh bayar balik antara lima hingga tujuh tahun. Pada tahun 2002, jumlah pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 32.4% dan 27.2%.

Tahap pembiayaan tidak berbayar (NPF) stabil pada tahun 2002, dengan NPF kasar berjumlah RM926.3 juta atau 10.8% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan pada akhir tahun 2002 (akhir tahun 2001: 10.1%). Hampir separuh daripada NPF tersebut terdiri daripada kredit penggunaan sementara satu pertiga lagi daripada sektor harta benda luas. Dari segi NPF bersih, kadarnya adalah 3.9% pada akhir tahun, selepas mengambil kira peruntukan yang dibuat sebanyak RM613.1 juta untuk menampung kemungkinan kerugian pinjaman.

Sebahagian besar operasi pembiayaan Bank Rakyat dibiayai oleh deposit yang dimobilisasi daripada ahli dan bukan ahli, berjumlah RM11.2 bilion dan mencakupi 78.7% daripada jumlah dana bank pada tahun 2002. Sebahagian besar daripada deposit disumbang oleh perusahaan perniagaan (44.1% daripada jumlah deposit) dan perusahaan awam (42.8%). Sementara itu, deposit daripada orang perseorangan mencakupi 10.3% daripada jumlah keseluruhan deposit. Pada tahun 2002, jumlah deposit yang dimobilisasi oleh Bank Rakyat terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.9% atau RM1.6 bilion, sebahagiannya disebabkan oleh

Graf 5.1
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: Haluan Pembiayaan pada 31 Disember 2002



kadar pulangan yang tinggi berbanding kadar pulangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan.

Dana pemegang saham bank meningkat dengan ketara kepada RM1.7 bilion pada akhir bulan Disember 2002 daripada RM1.2 bilion setahun lalu. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan dana langganan ahli yang lebih besar, yang bertambah hampir dua kali ganda kepada RM925.5 juta pada akhir tahun 2002. Keuntungan berjumlah RM219.7 juta yang dicatat pada tahun 2001 juga menyumbang kepada pertambahan dana pemegang saham Bank Rakyat. Pada tahun 2002, keahlian Bank Rakyat meningkat sebanyak 74,444 kepada 525,693 orang sementara keahlian koperasi pula meningkat sebanyak 46 kepada 953 koperasi pada akhir tahun 2002. Pertambahan ini sebahagiannya disebabkan oleh kadar pinjaman rendah yang diberi kepada ahli-ahli serta pengisytiharan kadar dividen yang tinggi bagi tahun 2001. Bagi tahun kewangan 2001, Bank Rakyat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 15%.

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) telah ditubuhkan pada tahun 1973 dengan objektif untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan masyarakat Bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian, melalui pembiayaan dan penyertaan ekuiti. Pada tahun 1998, Bank Pembangunan telah dipertanggungjawabkan dengan peranan tambahan yang penting iaitu menyediakan pembiayaan bagi projek infrastruktur terutamanya projek-projek Kerajaan. Pada awal tahun 2002, Bank Pembangunan telah menerima status peniaga berkecuali atau *"exempt dealer status"* daripada Kementerian Kewangan, yang membolehkannya menawarkan khidmat nasihat korporat, pembiayaan korporat dan perkhidmatan taja jamin kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembangunan projek infrastruktur.

Pada akhir tahun 2002, Bank Pembangunan mengurus 25 dana dengan jumlah pinjaman sebanyak RM532.1 juta. Pada tahun yang sama, jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana ini, masing-masing meningkat sebanyak 9.2% (+RM12 juta) dan 53.7% (+RM50.4 juta).


Jumlah pinjaman meningkat 42.6% pada tahun 2002 (2001: 29.9%) kepada RM9.3 bilion setakat akhir tahun 2002, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh sebanyak 56.5% atau RM2.8 bilion bagi pinjaman yang disalurkan untuk membiayai projek-projek infrastruktur. Sebahagian besar peningkatan pinjaman tersebut melibatkan sektor-sektor pengangkutan dan perhubungan (+RM1.4 bilion) dan pembinaan (+RM1.2 bilion). Pinjaman kepada sektor utiliti meningkat RM215.7 juta. Pembiayaan infrastruktur menyumbang 83.6% (RM7.8 bilion) daripada jumlah pinjaman, yang sebahagian besarnya merupakan pembiayaan kepada program-program infrastruktur Kerajaan.

Pinjaman kepada PKS merosot sedikit sebanyak 1.9%. Pada akhir tahun 2002, pinjaman kepada PKS mencakup 16.4% (RM1.5 bilion) daripada jumlah pinjaman, di mana 81.2% merupakan pinjaman yang diberikan kepada syarikat-syarikat Bumiputera.

Pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar meningkat kepada RM762.1 juta yang merangkumi 8.2% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2002, disebabkan terutamanya oleh pinjaman infrastruktur berjumlah RM190.4 juta yang menjadi NPL pada tahun 2002. NPL kasar pinjaman PKS berada pada tahap 37.5% daripada jumlah pinjaman sektor tersebut. Setelah mengambil kira peruntukan yang dibuat ke atas kemungkinan kerugian pinjaman, kadar NPL bersih bagi portfolio pinjaman Bank Pembangunan meningkat daripada 2.7% kepada 3% pada akhir tahun 2002.

Pelaburan yang berjumlah RM1.6 bilion pada akhir tahun 2002 merupakan 12.2% daripada jumlah aset. Pada tahun 2002, portfolio pelaburan merosot sebanyak 14.7% berikutan penjualan sekuriti hutang swasta (PDS) kepada pihak ketiga. Pelaburan dalam

Graf 5.2
Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



PDS sebanyak RM1.1 bilion merupakan komponen terbesar bagi portfolio pelaburan. Pelaburan yang besar dalam PDS adalah disebabkan oleh penukaran pinjaman salah satu projek infrastruktur yang telah menjadi NPL kepada bon berjumlah RM723.3 juta pada tahun 2001. Di samping itu, deposit dengan institusi kewangan yang berjumlah RM1.5 bilion pada akhir tahun 2002, juga turut mencatat penurunan ketara (-25.2%) berikutan penggunaan hasil deposit yang telah matang bagi tujuan pengeluaran pinjaman.

Bank Pembangunan memperoleh sebahagian besar sumber dana pembiayaannya melalui deposit yang diterima daripada perusahaan awam (RM4.5 bilion), peminjaman daripada Kerajaan (RM1.8 bilion) dan institusi asing (RM1.8 bilion), sekuriti hutang yang diterbitkan (RM983.6 juta) dan geran serta subsidi Kerajaan (RM586.7 juta). Kesemua ini mencakupi 74.7% daripada jumlah liabiliti bank tersebut. Sumber pembiayaan selebihnya terdiri daripada dana pemegang saham berjumlah RM2.2 bilion. Pada tahun 2002, dana pemegang saham meningkat RM789.6 juta, disebabkan terutamanya oleh penukaran peminjaman di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan kepada ekuiti berjumlah RM200 juta dan suntikan modal tambahan sebanyak RM300 juta oleh Kerajaan.


Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad

Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri) ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti perbankan pembangunan, dengan objektif menyediakan sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada sektor-sektor pengangkutan, perkilangan, eksport dan import serta perkhidmatan terpilih. Sungguhpun tumpuan asal pada awal tahun 1980an adalah untuk industri perkapalan dan limbungan, bank ini telah meluaskan skop aktivitinya kepada sektor kejuruteraan pada pertengahan tahun 1980an dan pada akhir tahun 1980an, skopnya diperluaskan kepada sektor pembinaan kapal, farmasi, pembangunan perisian komputer serta industri berkaitan laut.

Bank Industri menguruskan 11 dana Kerajaan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM520.3 juta pada akhir tahun 2002, menyumbang 53.9% daripada jumlah pinjaman. Pada tahun 2002, jumlah kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman di bawah tabung-tabung ini masing-masing merosot sebanyak 27.7% dan 33.1%.

Bagi mencapai objektifnya dalam menyediakan pembiayaan jangka panjang kepada industri

Graf 5.3
Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, Bank Industri menumpukan aktiviti pinjamannya kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri perkapalan, limbungan, industri berkaitan laut dan perkilangan. Pinjaman kepada sektor maritim yang melibatkan industri pembinaan kapal, limbungan dan industri berkaitan laut, menyumbang 58% daripada jumlah keseluruhan pinjaman. Selebihnya merupakan pinjaman kepada sektor perkilangan, yang mana 10.2% daripadanya disalurkan kepada industri berteknologi tinggi.

Jumlah pinjaman menguncup sebanyak 3.5% pada tahun 2002 (2001: -3.1%) kepada RM964.6 juta pada akhir bulan Disember. Arah aliran pembiayaan kepada industri pembinaan kapal, limbungan dan industri berkaitan laut terus menurun, mencatat penurunan sebanyak 4.5% sementara pinjaman kepada sektor perkilangan merosot 2.1%. Pengeluaran pinjaman yang rendah sepanjang tahun mendorong kepada kemerosotan keseluruhan jumlah pinjaman. Kebanyakan pinjaman dikeluarkan kepada PKS melibatkan jumlah pinjaman yang kecil, berbanding jumlah pengeluaran yang lebih tinggi pada tahun 2001 yang melibatkan syarikat-syarikat besar dengan saiz pinjaman yang besar. Jumlah pinjaman mencakupi 22.3% daripada jumlah aset bank.

Walau bagaimanapun, pinjaman yang diluluskan terus mencatatkan peningkatan. Pada tahun 2002, jumlah pinjaman yang diluluskan meningkat 17.5%. Daripada jumlah pinjaman yang diluluskan, sebanyak 66.9% diluluskan untuk sektor maritim, termasuk pembiayaan kapal, limbungan dan

industri-industri berkaitan laut seperti pengangkutan laut dan khidmat pengangkutan barang. Industri berteknologi tinggi mencakupi 9.6% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

Pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar meningkat RM68.4 juta kepada RM379.9 juta pada akhir tahun 2002. Berserta dengan penguncupan di dalam asas pinjaman, nisbah NPL kasar meningkat sebanyak 39.4% (akhir tahun 2001: 31.2%). Pinjaman kepada sektor maritim kekal sebagai komponen terbesar NPL, mencakupi 58% daripada jumlah NPL, manakala selebihnya ialah sektor perkilangan, iaitu sebanyak 42%. Sementara itu, NPL bersih adalah sebanyak 19.7% daripada jumlah pinjaman (pada akhir tahun 2001: 16.5%).

Pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1,007.2 juta dan pinjaman serta pendahuluan kepada anak syarikat berjumlah RM1,008.8 juta pada akhir tahun 2002, merupakan komponen terbesar (46.7%) daripada jumlah aset bank. Tiga anak syarikat, iaitu *Malaysia Export Credit Insurance Berhad* (MECIB), *Export-Import Bank of Malaysia Berhad* (EXIM) dan *Global Maritime Ventures* (GMV), masing-masing ditubuhkan khusus untuk menggalak insurans eksport, pembiayaan eksport dan industri perkapalan. Selain daripada pelaburan ekuiti berjumlah RM904.5 juta (MECIB: RM154.5 juta; EXIM: RM300 juta; GMV: RM450 juta), Bank Industri juga memberi pinjaman pendahuluan kepada anak-anak syarikat tersebut berjumlah RM476.9 juta (MECIB: RM2 juta; EXIM: RM462.1 juta; GMV: RM12.8 juta). Anak syarikat yang lain adalah *BI Credit & Leasing Berhad* (BICL), yang menyediakan kemudahan kredit dan pemajakan bagi pemerolehan aset tetap dan juga keperluan modal kerja. Di samping pelaburan ekuiti sebanyak RM99.3 juta di dalam BICL, Bank Industri juga memberi pinjaman pendahuluan sebanyak RM518 juta kepada anak syarikat ini.

Peminjaman merupakan sumber kewangan terbesar bagi Bank Industri, berjumlah RM2.5 bilion (58.6% daripada jumlah sumber) pada akhir tahun 2002. Sebahagian besar peminjaman adalah daripada Kerajaan dan institusi-institusi asing, setiap satu berjumlah RM1.2 bilion. Sebahagian daripada peminjaman tersebut telah disalurkan kepada anak-anak syarikat Bank Industri berjumlah RM575.9 juta. Operasi bank juga dibiayai melalui pengambilan deposit berjumlah RM666.8 juta, sebahagian besarnya merupakan deposit Kerajaan dan dana daripada penerbitan sekuriti hutang sebanyak RM250 juta. Dana pemegang saham merosot dengan ketara pada tahun 2002 kepada kurang daripada RM50 juta pada akhir tahun 2002 berikutan peruntukan besar berjumlah RM670.2 juta yang dibuat pada tahun berkenaan.


Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), yang merupakan anak syarikat milik penuh Bank Industri, telah ditubuhkan bagi menggalak perdagangan antarabangsa dengan memudahkan eksport barangan dan perkhidmatan menerusi penyediaan kredit eksport, pembiayaan pelaburan modal dan penyediaan maklumat serta perkhidmatan perniagaan. EXIM Bank menyediakan kredit jangka sederhana dan panjang bagi menggalak eksport dengan memberi lebih tumpuan terhadap eksport ke pasaran bukan tradisional. Di samping itu, bank ini juga menyediakan pembiayaan bagi menggalak eksport projek seperti projek pembinaan dan infrastruktur serta perkhidmatan.

Jumlah pinjaman berjumlah RM817.3 juta pada akhir tahun 2002, tidak berubah berbanding paras pinjaman pada akhir tahun 2001. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 89.8% terdiri daripada pembiayaan projek luar negara manakala bakinya merupakan pembiayaan eksport. Sementara itu, jumlah pinjaman di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) adalah sebanyak RM1.1 bilion. Di samping kemudahan pembiayaan, bank ini juga menyediakan jaminan eksport sebanyak RM185.5 juta pada akhir tahun 2002.

EXIM Bank adalah agensi yang telah dilantik bagi mengurus skim ECR yang dibiayai oleh Kerajaan (RM1,678.2 juta) dan Bank Negara Malaysia (RM300 juta). Objektif utama skim ini adalah untuk menggalak eksport dengan menawarkan kadar yang kompetitif kepada bank-bank yang mengambil

Graf 5.4
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Kemudahan Kredit pada 31 Disember 2002



bahagian dalam skim ECR dan seterusnya memberi pinjaman kepada para pengeksport. Walaupun jumlah pelanggan ECR meningkat daripada 1,563 pengeksport pada akhir 2001 kepada 1,645 pengeksport pada akhir tahun 2002, jumlah pengguna ECR yang aktif berkurangan, daripada 223 kepada 208 bagi tempoh yang sama, menyebabkan penurunan sebanyak 4% daripada jumlah pembiayaan skim ECR kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2002.

Pada tahun 2002, pembiayaan projek luar negara merosot sebanyak 3.5% (2001: -5.6%) kepada RM734.3 juta, di mana 43.5% daripadanya disalurkan kepada projek-projek yang diusahakan di negara-negara Asia Tenggara, 36.6% di Afrika dan 13.4% di Eropah Timur. Sementara itu, jaminan yang dikeluarkan kekal tidak berubah, iaitu sebanyak RM185.5 juta pada tahun 2002, merangkumi sebuah projek yang diusahakan di salah sebuah negara di Asia Tenggara.

Sejajar dengan pertumbuhan eksport negara, pinjaman baru yang diluluskan mencatat peningkatan ketara sebanyak 36.9% atau RM93.6 juta pada tahun 2002 sementara pengeluaran pinjaman meningkat 64.1% atau RM98 juta. Kadar kompetitif yang ditawarkan oleh bank ini berikutan kos pendanaan yang lebih rendah ke atas sumber dana yang diperoleh daripada institusi asing juga menyumbang kepada pertumbuhan ketara dalam kelulusan pinjaman.

Jumlah pinjaman dan pembiayaan di bawah skim ECR kesemuanya mencakupi 55.5% daripada jumlah aset bank sebanyak RM3.4 bilion pada akhir tahun 2002. Sebanyak 37.8% lagi daripada jumlah aset adalah dalam bentuk deposit yang disimpan dengan institusi kewangan.

NPL kasar meningkat kepada RM319.8 juta pada akhir 2002 (akhir tahun 2001: RM293.3 juta) yang merupakan 39.1% daripada jumlah pinjaman (akhir tahun 2001: 35%). Pinjaman kepada pembiayaan projek luar negara kekal sebagai komponen terbesar NPL, berjumlah RM295 juta atau 92.2% daripada jumlah NPL. Walau bagaimanapun, nisbah NPL bersih bank ini adalah rendah sebanyak 2% (RM10.2 juta) daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2002, selepas mengambil kira peruntukan hutang lapuk dan ragu.

Selain daripada dana pemegang saham sebanyak RM174.5 juta, bank ini memperoleh sumber dananya menerusi peminjaman daripada Kerajaan, institusi kewangan dan syarikat induk. Pada akhir tahun 2002, peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM2 bilion, institusi asing sebanyak RM250.4 juta dan syarikat induk berjumlah RM461.9 juta, secara keseluruhannya mencakupi 80.3% daripada jumlah dana. Peminjaman daripada Kerajaan sebahagian besarnya digunakan untuk skim ECR.


Sebagai salah satu usaha menggalak perdagangan serantau, EXIM Bank telah menandatangani Perjanjian Pengesahan Surat Kemudahan Kredit Berbagai Hala dengan lima buah institusi, iaitu *Japan Bank for International Co-operation* (JBIC), Thai EXIM, Korea EXIM, PT Bank Eksport Indonesia dan EXIM India pada bulan Ogos 2002.

Malaysia Export Credit Insurance Berhad

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) ditubuhkan dengan objektif utama untuk menyokong dan mengukuh kepelbagaian dan perkembangan eksport dengan menyediakan kemudahan insurans kredit dan jaminan. Ia juga menyediakan insurans pelaburan luar negara bagi memudahkan pelaburan di luar negara. Sebagai sebuah agensi kredit eksport, MECIB menyediakan perlindungan dan jaminan ganti rugi kepada pemegang polisi ke atas kerugian tidak mendapat bayaran yang disebabkan sama ada daripada risiko pembeli atau risiko negara. Bagi risiko pembeli, MECIB menyediakan perlindungan ke atas kerugian akibat ketidakmampuan membayar, mungkir dan penolakan kontrak oleh pengimport, manakala bagi risiko negara pula, perlindungan adalah untuk kerugian akibat daripada sekatan dan kelewatan dalam pemindahan tukaran wang asing, peperangan dan gangguan awam, larangan import, pembatalan lesen import dan kemungkiran negara pembeli.

Pada akhir tahun 2002, perlindungan insurans dan jaminan yang dikeluarkan adalah sebanyak RM560.6 juta, di mana 72.8% daripadanya merupakan jaminan yang dikeluarkan dan selebihnya berbentuk perlindungan insurans kredit eksport. Perlindungan insurans dan jaminan kebanyakannya merupakan pendedahan jangka sederhana dan panjang (77.3% atau RM433.5 juta). Pada tahun 2002, jumlah perlindungan merosot sebanyak 11.8% (2001: -23%) kepada RM560.6 juta ekoran permintaan yang rendah untuk produk jaminan. Di antara produk-produk yang ditawarkan, Polisi Komprehensif Hantaran dan Jaminan Kredit Pembeli kekal sebagai dua kemudahan paling

Graf 5.5
Malaysia Export Credit Insurance Berhad: Liabiliti Kontigensi pada 31 Disember 2002



popular di kalangan pengeksport, mencakupi 85% daripada jumlah pendedahan.

Selaras dengan tumpuan MECIB untuk mempelbagaikan eksport, perlindungan eksport ke negara-negara yang dikategorikan sebagai pasaran bukan tradisional mencatat bahagian yang tinggi (80.7%) daripada jumlah perlindungan eksport. Dari segi kawasan, pendedahan kepada negara di rantau Asia Tengah mencakupi 43.9% daripada jumlah pendedahan, diikuti oleh Afrika 11% dan Asia Selatan 9.9%. Pada tahun 2002, pendedahan kepada Asia Tengah mencatat kemerosotan dan pendedahan kepada Afrika dan Asia Selatan pula mencatat peningkatan.

Sumber utama dana MECIB kebanyakannya adalah daripada dana pemegang saham dan peminjaman daripada syarikat induk. Pada tahun 2002, dana pemegang saham meningkat sedikit kepada RM46.2 juta pada akhir tahun (akhir tahun 2001: RM37.7 juta). Peratusan kerugian yang menunjukkan nisbah bayaran tuntutan berbanding premium diterima, adalah sebanyak 71.6% pada akhir tahun 2002, satu peningkatan yang ketara daripada paras 50.6% setahun lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh bayaran ke atas tuntutan di bawah kemudahan jaminan.

Aset-aset utama MECIB adalah deposit yang disimpan di institusi kewangan sebanyak RM77.8 juta dan pelaburan dalam sekuriti sebanyak RM62.1 juta, masing-masing mencakupi 47.1% dan 37.6% daripada jumlah aset. Secara keseluruhannya, jumlah aset merosot sebanyak 4.3% kepada RM165.3 juta pada akhir tahun 2002, berbanding peningkatan sebanyak 3.5% pada tahun 2001, disebabkan bayaran tuntutan yang lebih tinggi pada tahun 2002 sebanyak RM4.2 juta berbanding RM2.8 juta pada tahun 2001.

Bank Simpanan Nasional


Aktiviti utama Bank Simpanan Nasional (BSN) adalah untuk menjalankan fungsi-fungsi sebuah bank simpanan, iaitu, pengambilan deposit dan penyediaan perkhidmatan pembiayaan runcit kepada peminjam kecil. Operasi BSN tertumpu kepada perbankan runcit dan pinjaman peribadi untuk memenuhi keperluan individu dan pelanggan isi rumah. Setakat akhir tahun 2002, BSN beroperasi menerusi 412 cawangan meliputi kawasan-kawasan bandar dan desa dan disokong oleh 594 mesin ATM. Semua deposit yang disimpan di BSN adalah dijamin oleh Kerajaan.

Jumlah deposit yang dimobilisasi sepanjang tahun merosot sebanyak 11.6% atau RM1.2 bilion (2001: +0.5% atau +RM54.4 juta) kepada RM9.4 bilion pada akhir tahun 2002. Jumlah deposit yang tidak diperbaharui oleh agensi Kerajaan (-RM1.2 bilion) lebih daripada mengimbangi jumlah peningkatan deposit daripada perniagaan persendirian (+RM596 juta) dan individu (+RM76 juta). Orang perseorangan merupakan penyimpan utama deposit (73.4% daripada jumlah deposit), diikuti oleh syarikat perniagaan (25.7%).

Pada akhir tahun 2002, lebih separuh daripada deposit yang dimobilisasi sebanyak RM5.8 bilion dilaburkan di pasaran sekuriti. Berikutan keadaan pasaran saham yang kurang baik, nilai pelaburan saham telah merosot dengan ketaranya.

Sementara itu, jumlah pinjaman sebanyak RM2.1 bilion pada akhir tahun 2002, merupakan 20.6% daripada jumlah aset BSN. Sebahagian besar pinjaman (92.7%) disalurkan kepada pelanggan individu khususnya bagi tujuan pembelian harta kediaman dan kenderaan. Pada tahun 2002, jumlah pinjaman mencatat penurunan sebanyak 7.4% (2001: -3.8%), disebabkan terutamanya oleh

Graf 5.6
Bank Simpanan Nasional: Jumlah Deposit Diterima pada 31 Disember 2002



penurunan pengeluaran pinjaman. Sebaliknya, jumlah pinjaman yang diluluskan meningkat dengan ketara sebanyak 42.7% bagi tempoh yang sama. Pengukuhan pinjaman yang diluluskan adalah disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman kereta kepada guru-guru di bawah skim yang dijamin oleh Kerajaan.

Jumlah NPL kasar meningkat RM51.7 juta pada tahun 2002 kepada RM318.9 juta pada akhir tahun, di mana NPL Pinjaman Perumahan Giro (RM157.1 juta) merupakan komponen terbesar. Ditambah pula dengan penurunan asas pinjaman, nisbah NPL kasar meningkat kepada 15.1% pada akhir tahun 2002 (akhir tahun 2001: 11.7%). Sementara itu, nisbah NPL kasar bagi pinjaman kad kredit adalah tinggi sebanyak 51.9% daripada jumlah pinjaman kad kredit berbanding kadar purata industri sebanyak 4.9%. NPL bersih meningkat sedikit kepada RM164.4 juta pada akhir tahun 2002, yang merupakan 8.4% daripada jumlah pinjaman.


Institusi Kewangan Pembangunan Yang Lain

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (LTH) ditubuhkan pada tahun 1969 untuk menyelenggara dan mengurus simpanan masyarakat Islam yang berhajat untuk menunaikan fardhu haji. Matlamat utama LTH ialah untuk memudahkan simpanan di kalangan masyarakat Islam mengikut prinsip Syariah bagi tujuan menunaikan fardhu haji dan melaburkan simpanan jangka panjang tersebut dalam aktiviti perindustrian, komersial, industri asas tani dan pembangunan harta tanah. Di samping itu, LTH juga mengendali dan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan berkaitan dengan kebajikan, kesihatan serta perlindungan keselamatan ke atas jemaah haji ketika menunaikan fardhu haji.

LTH memobilisasi deposit daripada masyarakat Islam melalui 118 rangkaian cawangannya di seluruh negara. Pada tahun 2002, selaras dengan usahanya untuk menggalak tabungan, LTH telah melancarkan perkhidmatan baru di mana pendeposit boleh membuat simpanan mereka melalui Bank Islam (M) Berhad yang bertindak sebagai agen. Setakat akhir tahun 2002, bilangan pendeposit berjumlah 4.5 juta dengan deposit sebanyak RM9.9 bilion. Namun demikian, jumlah deposit telah merosot sebanyak 6.1% berbanding paras pada tahun sebelumnya, disebabkan kadar pulangan yang lebih rendah ke atas tabungan yang diisytiharkan oleh LTH pada awal tahun 2002.

Graf 5.7
Lembaga Tabung Haji:
Pelaburan pada 31 Disember 2002



Sebahagian besar daripada deposit yang diterima, dilabur bagi menghasilkan pulangan kepada pendeposit. Portfolio pelaburan (selepas ditolak peruntukan susut nilai pelaburan) berjumlah RM7.5 bilion atau 70.9% daripada jumlah aset sebanyak RM10.6 bilion pada akhir tahun 2002, dengan saham sebagai pelaburan terbesar, berjumlah RM3.5 bilion. Pada tahun 2002, pelaburan saham meningkat 38%, ekoran daripada perolehan saham-saham terbitan awam syarikat-syarikat terpilih. Pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu berjumlah RM1.3 bilion diikuti oleh pelaburan dalam sekuriti hutang swasta (PDS) (RM1.2 bilion) dan pelaburan Al-Mudharabah, iaitu deposit di institusi kewangan berlandaskan Syariah (RM951.3 juta). Secara keseluruhan, jumlah pelaburan merosot 8.7% pada tahun 2002. Sementara itu, aktiviti pinjamannya yang berjumlah RM988.5 juta pada akhir tahun 2002, sebahagian besarnya adalah kepada anak-anak syarikatnya, yang kebanyakannya terlibat dalam aktiviti perladangan dan pembinaan. Selain daripada memobilisasikan deposit, LTH juga memainkan peranan yang aktif dalam pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan haji, khususnya dalam memastikan kos perbelanjaan menunaikan fardhu haji kekal di tahap yang berpatutan. Di samping itu, LTH juga telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan penyebaran maklumat kepada bakal-bakal haji sebelum mengerjakan haji.

Bank Pertanian Malaysia

Bank Pertanian Malaysia (BPM) ditubuhkan pada tahun 1969 untuk menggalak pembangunan pertanian yang mantap di negara ini, melalui penyediaan kemudahan pinjaman dan pendahuluan. Fungsi utama BPM adalah untuk menyelaras dan menyelia pemberian kemudahan kredit bagi tujuan


pertanian, serta memobilisasi tabungan, khususnya daripada sektor pertanian dan golongan petani.

Selaras dengan peranannya, pada tahun 2001, bank ini telah diperuntukkan RM300 juta untuk diurus dan disalurkan di bawah skim Tabung Untuk Makanan (TUM) yang ditubuhkan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan mengurangkan pergantungan negara ke atas bahan makanan import. Di samping itu, BPM juga telah diperuntukkan sejumlah RM244.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi mengendalikan pelbagai skim pembiayaan pertanian bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor berkenaan. Pada tahun 2002, bank ini telah memperkenalkan satu skim pembiayaan baru bagi industri getah.

Jumlah pinjaman meningkat 8.8% kepada RM2.4 bilion pada akhir tahun 2002, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pinjaman di bawah skim TUM. Penerima manfaat terbesar adalah industri minyak sawit, tanaman makanan dan ternakan. Petani-petani kecil merupakan kumpulan peminjam terbesar, mencakupi 70.3% (RM1.7 billion) daripada jumlah pinjaman, dengan selebihnya disalurkan sebahagian besarnya kepada sektor korporat. Jumlah pinjaman merupakan 44.1% daripada jumlah aset bank ini sebanyak RM5.4 billion pada akhir tahun 2002.

Kelulusan pinjaman baru merosot sedikit sebanyak 1.1% kepada RM675.9 juta pada tahun 2002, manakala jumlah pengeluaran pinjaman mencatat peningkatan sebanyak 6.5% kepada RM529.7 juta. Kelulusan pinjaman baru terus disalurkan kepada golongan petani kecil, di mana kumpulan ini merupakan 98.5% daripada 9,853 akaun pinjaman yang diluluskan. Dari segi nilai, sejumlah RM434.4 juta atau 64.3% telah diluluskan kepada golongan petani kecil, dengan bakinya kepada sektor korporat (RM151.5 juta atau 22.4%) dan PKS (RM89.9 juta atau 13.3%).

Graf 5.8
Bank Pertanian Malaysia:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



NPL kasar berasaskan klasifikasi 12 bulan, yang berada di paras melebihi 40% sepanjang tempoh 1999-2001, bertambah baik ke paras 35.7% pada akhir tahun 2002. NPL kasar berkurangan kepada RM843.9 juta pada akhir tahun 2002 (akhir tahun 2001: RM878.1 juta). Setelah mengambil kira peruntukan ke atas kerugian pinjaman, NPL bersih berada di tahap RM314.9 juta atau 17.2% daripada jumlah pinjaman.

BPM membuat pelaburan dalam jumlah yang besar dalam sekuriti hutang swasta (PDS), dana tabungan (TF) dan nota janji hutang/surat perdagangan (PN/CP). Daripada jumlah pelaburan sebanyak RM1.7 bilion, RM644.6 juta dilabur dalam PDS, RM569 juta dalam TF dan RM310.1 juta dalam PN/CP. Jumlah pelaburan merupakan komponen aset kedua terbesar, mencakupi 30.9% daripada jumlah aset.

Sumber utama dana adalah deposit yang diterima menerusi rangkaian cawangan BPM sebanyak 137 cawangan dan 3,662 unit bergerak di seluruh negara sebanyak RM3.5 bilion, iaitu merupakan 65% daripada jumlah sumber. Dana bagi pelaksanaan pelbagai skim pinjaman berjumlah RM1.5 bilion, menyumbang sebanyak 28.8% daripada jumlah aset.

Bank ini sedang berusaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan serta kesolvenannya. Walau bagaimanapun, modal berbayarnya sebanyak RM42.5 juta tidak mencukupi untuk menyerap kerugian terkumpul sebanyak RM695.5 juta.

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada tahun 1972 bagi membantu PKS mendapatkan akses kepada kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan. Selain menyediakan jaminan kepada institusi kewangan ke atas pinjaman yang diberikan kepada PKS, CGC juga bertindak sebagai pentadbir kepada tabung-tabung khas yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk membantu PKS.

Pada tahun 2002, CGC mentadbir beberapa skim jaminan dengan penglibatan institusi-institusi

kewangan. Jumlah jaminan mencatat peningkatan sebanyak 13.2% atau RM352.3 juta pada tahun 2002 kepada RM3 bilion, berbanding penurunan sebanyak 21.6% atau RM736 juta pada tahun 2001. Pertumbuhan positif ini mencerminkan pengembangan keseluruhan aktiviti ekonomi dan peningkatan dalam jaminan juga adalah disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam jaminan di bawah Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT). Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) mencakupi 60.7% daripada jumlah jaminan terkumpul pada akhir tahun 2002. Skim lain yang merupakan bahagian terbesar daripada jumlah jaminan adalah SJLT (12.3%) dan Skim Jaminan Anjal (12.1%). Sementara itu, jaminan baru yang dikeluarkan juga meningkat sebanyak 26.2% atau RM416 juta pada tahun 2002 (2001: -35.6% atau -RM876 juta). SJUB kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah jaminan baru yang dikeluarkan, dengan nilai jaminan dikeluarkan di bawah skim tersebut menyumbang sebanyak 54.9%.


Peminjam-peminjam dengan saiz pinjaman antara RM250,000 dan RM500,000 merupakan kumpulan terbesar yang menerima lindungan jaminan, mencakupi 33.3% daripada jumlah lindungan jaminan pada akhir tahun 2002. Jaminan yang disediakan bagi pinjaman di bawah RM250,000 mencakupi 31.5% daripada jumlah lindungan jaminan yang dikeluarkan.

Sebahagian besar (78.1%) daripada jaminan yang dikeluarkan adalah bagi sektor perniagaan am. Pada tahun 2002, lindungan jaminan bagi sektor ini terus meningkat sebanyak 12.3%, sejajar dengan pertumbuhan dalam penggunaan dalam negeri. Sektor perkilangan mencakupi sebanyak 20.4%, mencatat pertumbuhan sebanyak 16.6% pada tahun tersebut, manakala selebihnya merupakan lindungan jaminan bagi sektor pertanian yang mencatat pertumbuhan sebanyak 15.4% bagi tempoh yang sama.

Pada akhir tahun 2002, jumlah peruntukan bagi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin CGC adalah sebanyak RM347.4 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM68.6 juta (24.6%) daripada paras pada akhir tahun 2001. Sementara itu, jumlah tuntutan yang dibayar meningkat kepada RM2.2 bilion pada tahun 2002 (2001: RM1.8 bilion).

Pada akhir tahun 2002, jumlah pinjaman yang diberikan di bawah skim pinjaman khas yang diuruskan oleh CGC, iaitu Tabung Pembiayaan

Graf 5.9
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad: Jaminan Mengikut Sektor pada 31 Disember 2002



Usahawan Kecil, Tabung Usahawan Kecil dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 berjumlah RM1 bilion, meningkat 67.7% (+RM404.1 juta) berbanding paras setahun yang lalu. Pembiayaan bagi skim-skim pinjaman tersebut diperoleh menerusi peruntukan dana daripada Kerajaan dalam bentuk peminjaman. Pada akhir tahun 2002, peminjaman daripada Kerajaan adalah sebanyak RM1.7 bilion.

Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) ditubuhkan pada tahun 1960 untuk menggalak pembangunan sektor perindustrian. Aktiviti utama MIDF adalah untuk menyedia peruntukan pembiayaan jangka sederhana dan panjang untuk membiayai penerokaan di bidang industri baru, pengembangan, modenisasi, kepelbagaian atau program penempatan semula perniagaan sedia ada.

MIDF adalah salah satu institusi pelaksana yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengurus dan mengeluarkan dana di bawah pelbagai skim khas pembiayaan terutama bagi PKS. Pada akhir tahun 2002, MIDF menguruskan sembilan dana dengan jumlah pinjaman sebanyak RM257.8 juta. Pinjaman yang diluluskan pada tahun 2002 meningkat 24.3%, manakala pengeluaran pinjaman mencatat pertumbuhan sebanyak 55.9%.

Secara keseluruhan, jumlah pinjaman pada akhir tahun 2002 adalah sebanyak RM1.1 bilion, tidak berubah berbanding jumlah pada tahun sebelumnya, disebabkan pembayaran pinjaman yang mengimbangi peningkatan dalam pengeluaran pinjaman. Hampir 80% daripada jumlah pinjaman adalah untuk sektor perkilangan. Di dalam sektor

perkilangan, hampir separuh daripada pinjaman tersebut adalah untuk keluaran berasaskan besi dan keluli dan keluaran bukan ferus; keluaran logam direka dan jentera; dan keluaran galian bukan logam. Bagi sektor perkhidmatan, industri pelancongan, pengangkutan dan perhubungan adalah antara industri-industri yang mendapat manfaat daripada aktiviti pemberian pinjaman MIDF. Sementara itu, MIDF terus memainkan peranan penting untuk meningkatkan pembangunan PKS, seperti yang dicerminkan oleh jumlah pinjaman kepada PKS sebanyak 45.4% daripada jumlah pinjaman MIDF.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi, aktiviti pembiayaan MIDF terus berkembang pada tahun 2002, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam kelulusan pinjaman (24.3% atau RM409.6 juta) dan pengeluaran pinjaman (55.5% atau RM240.6 juta). Daripada jumlah pinjaman yang diluluskan, 67.2% adalah untuk pengembangan projek dan selebihnya untuk kepelbagaian dan penempatan semula projek (17.1%) serta projek baru (15.7%).

Pada akhir tahun 2002, kualiti aset MIDF bertambah baik sedikit berbanding tahun lalu. Berdasarkan polisi pinjaman tidak berbayar (NPL) MIDF untuk tempoh tertunggak selama 3 bulan, nisbah NPL kasar bertambah baik kepada 49% (akhir tahun 2001: 51%) dengan NPL kasar berjumlah RM524.9 juta. Nisbah NPL bersih juga bertambah baik kepada 26% daripada 31%.

Sumber utama dana MIDF terdiri daripada peminjaman dan dana pemegang saham. Peminjaman merupakan 40.9% daripada jumlah sumber dana sebanyak RM2.5 bilion pada akhir tahun 2002. Dana berkadar faedah tetap diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada Kerajaan untuk disalurkan kepada pinjaman sosioekonomi pada kadar faedah tetap. Dana pembiayaan lain diperoleh sendiri oleh MIDF bagi menjalankan aktiviti pembiayaan korporatnya yang lain dan ini termasuklah peminjaman daripada pasaran modal. Pada akhir tahun 2002, jumlah peminjaman MIDF daripada institusi kewangan, Kerajaan dan institusi asing adalah sebanyak RM1 bilion.


Sabah Development Bank Berhad

Sabah Development Bank Berhad (SDB) ditubuhkan pada tahun 1977 oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan fungsi-fungsi sebuah bank pembangunan dan bertindak sebagai pengantara kewangan bagi Kerajaan Negeri Sabah. Bank ini menyediakan khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri Sabah di samping meraih dana bagi membiayai projek Kerajaan Negeri serta mengendalikan lebihan dana negeri.


Peranan utama SDB ialah untuk bertindak sebagai penggembleng sumber kewangan di dalam negeri Sabah dan mempermudahkan pembangunan ekonomi serta pelaburan di negeri itu.

SDB terus mengembangkan operasi berian pinjamannya pada tahun 2002. Jumlah pinjaman meningkat 14.8% pada tahun 2002 kepada RM1.3 bilion pada akhir tahun yang sama, didorong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam pinjaman yang disalurkan kepada sektor pembinaan, harta tanah, perkilangan dan pertanian. Jumlah pinjaman mencakupi 80.3% daripada jumlah aset SDB sebanyak RM1.6 bilion

Graf 5.10
Malaysian Industrial Development Finance Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



Graf 5.11
Sabah Development Bank Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



pada akhir tahun 2002. Pada tahun 2002, pinjaman yang diluluskan adalah lebih tinggi, berjumlah RM794.3 juta (2001: RM280.3 juta) sementara pengeluaran pinjaman juga menunjukkan peningkatan berjumlah RM271.3 juta (2001: RM168 juta).

NPL kasar berasaskan klasifikasi 6 bulan meningkat RM66.7 juta kepada RM542.2 juta, merangkumi 41.3% daripada jumlah pinjaman, di mana sebahagian besar NPL adalah daripada sektor harta tanah. Pada kadar bersih, NPL berada pada tahap 5.8% daripada jumlah pinjaman, selepas mengambil kira peruntukan bagi kerugian pinjaman.

Sumber utama kewangan terdiri daripada deposit Kerajaan, badan berkanun dan agensi Kerajaan, peminjaman daripada institusi kewangan serta dana daripada pasaran modal yang kesemuanya berjumlah RM861.3 juta atau 52.7% daripada jumlah dana pada akhir tahun 2002. Operasi bank juga dibiayai oleh dana pemegang saham yang berjumlah RM233.2 juta.

Sabah Credit Corporation


Sabah Credit Corporation (SCC), anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah telah ditubuhkan pada tahun 1955 dengan nama North Borneo Credit Corporation tetapi telah dinamakan semula sebagai Sabah Credit Corporation pada tahun 1972. Objektif utama SCC ialah untuk memberi kemudahan pembiayaan bagi pelaburan dalam bidang pertanian, perindustrian, perumahan bandar dan desa, bangunan dan utiliti serta kemudahan awam dengan tujuan menggalak pembangunan ekonomi di Sabah.
Selepas mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 25.3% pada tahun 2001, jumlah pinjaman pada tahun 2002 menjadi stabil dengan mencatat kemerosotan yang kecil sebanyak 1.8% kepada RM532.3 juta. Meskipun pinjaman sewa beli terus mencatat peningkatan yang kukuh (16.5%), terutamanya bagi pembelian barangan pengguna, pinjaman untuk tujuan-tujuan lain merosot pada tahun ini.

Dari segi komposisi jumlah pinjaman, sebahagian besar (55.1%) merupakan pinjaman perumahan kepada individu (di mana kakitangan Kerajaan mencakupi 39.7%) dan selebihnya disalurkan sebahagian besarnya bagi pembiayaan sewa beli, pinjaman eksekutif dan pembangunan perindustrian serta pertanian. Jumlah pinjaman merupakan komponen terbesar (97.1%) daripada jumlah aset SCC sebanyak RM548.2 juta pada akhir tahun 2002.

Jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar berdasarkan pengelasan 4 bulan kekal pada 16.1% (RM85.9 juta) pada akhir tahun 2002. Sebahagian besar daripada NPL adalah terdiri daripada pinjaman yang disalurkan untuk pembelian rumah. Selepas mengambil kira peruntukan ke atas kerugian pinjaman, nisbah NPL bersih berada di tahap 3.5% (akhir tahun 2001: 1.8%).

Sumber utama dana SCC adalah peminjaman daripada Kerajaan Negeri dan institusi-institusi perbankan, kedua-duanya mencakupi 78.9% daripada jumlah dana. Pada akhir tahun 2002, peminjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM328.8 juta (88% daripada jumlah peminjaman), manakala selebihnya daripada institusi-institusi perbankan.

Graf 5.12
Sabah Credit Corporation:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2002



Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad

Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai sebuah syarikat Kerajaan negeri yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dengan tujuan utama untuk menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman gadai janji untuk membolehkan orang awam memiliki rumah kediaman. Kegiatan utama syarikat ini ialah pembangunan harta tanah dan penyediaan pinjaman kepada pembeli harta tanah yang dimajukan oleh syarikat tersebut. Sebanyak empat anak syarikatnya terlibat secara aktif dalam pembangunan harta tanah, pembinaan, pengurusan hotel dan latihan pendidikan.

Seperti tahun 2001, tidak ada pinjaman baru diberikan pada tahun 2002 memandangkan permintaan telah terjejas disebabkan oleh kadar faedah pinjaman yang tinggi sebanyak 12% setahun berbanding purata kadar faedah pinjaman tahunan sebanyak 6.53% setahun yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Perbezaan dalam kadar faedah pinjaman juga telah menyebabkan sesetengah peminjamnya memindahkan pinjaman mereka kepada institusi-institusi perbankan untuk mengambil peluang kadar faedah pinjaman yang rendah. Kesannya, jumlah pinjaman merosot 7.1% kepada RM7.9 juta pada akhir tahun 2002. Orang perseorangan merupakan peminjam terbesar (92.5%) manakala selebihnya disalurkan kepada syarikat perniagaan. Jumlah pinjaman mencakupi 6.7% daripada jumlah aset. Pada akhir tahun 2002, jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar adalah sebanyak RM2.2 juta, mencakupi 27.8% daripada jumlah pinjaman (akhir 2001: RM2.1 juta atau 24.1%). Sebahagian besar daripada jumlah aset adalah dalam bentuk pelaburan dalam anak-anak syarikatnya (54.6%), manakala yang selebihnya adalah dalam pembangunan harta tanah (29.7%).

Sumber utama dana adalah peminjaman daripada institusi-institusi kewangan, yang berjumlah RM72.6 juta atau 60.8% daripada jumlah sumber pada akhir tahun 2002. Sumber utama dana yang lain adalah daripada dana pemegang saham (27.5%) dan hasil jualan pinjaman perumahan kepada Cagamas (4.9%). Sementara itu, peminjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM0.8 juta.

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) telah diperbadankan sebagai sebuah perusahaan perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Objektif BDC Sarawak adalah untuk melaksanakan pembangunan harta tanah dan aktiviti-aktiviti pembinaan serta menyediakan kemudahan pembiayaan akhir.

Perbelanjaan untuk pembangunan harta tanah merupakan bahagian terbesar (51.9%) daripada jumlah aset perbadanan ini yang berjumlah RM81.4 juta pada akhir tahun 2002. Pada tahun 2002, perbelanjaan bagi pembangunan harta tanah mencatat peningkatan sebanyak RM7.6 juta berikutan pertambahan bilangan projek pembangunan yang dimajukan pada tahun tersebut.

Sementara itu, jumlah pinjaman sebanyak RM1.4 juta hanya mencakupi 1.7% daripada jumlah aset. Pada tahun 2002, portfolio pinjaman terus mencatat penurunan disebabkan kurangnya permintaan dan penebusan yang tinggi terhadap pinjaman. Kadar faedah pinjaman pada 8% setahun yang secara relatifnya lebih tinggi, menyebabkan peminjam bertindak menebus dan memindahkan pinjaman mereka kepada bank-bank perdagangan. Akibatnya, jumlah pinjaman terus merosot sebanyak 8.3% pada tahun tersebut. Sebahagian besar pinjaman (97.7%) telah diberikan kepada peminjam-peminjam individu bagi pembelian harta kediaman, di mana 75.8% diberikan kepada kakitangannya.

Jumlah pelaburan menyumbang 20.3% atau RM16.5 juta kepada jumlah aset, yang mana pelaburan dalam anak syarikat (RM13.2 juta) merupakan komponen terbesar dalam portfolio pelaburan. Sementara itu, perbadanan ini telah memperoleh saham di dalam beberapa buah syarikat perkilangan sebagai sebahagian daripada proses mempelbagaikan aktiviti perniagaannya.

Di samping dana pemegang saham berjumlah RM37 juta, BDC Sarawak juga mendapatkan sumber dananya melalui peminjaman daripada institusi-institusi kewangan. Ia mencakupi RM17.1 juta atau 21% daripada jumlah liabiliti.